

Dalam Negeri

Rangka manusia ditemukan di Sungai Malim

# Caruman SKSPS: Bantuan Perkeso legalkan Chai Suai

Oleh AMRAN MULUP  
utusannews@mediamulla.com.my

**MELAKA:** "Saya lega dapat bantuan Perkeso kerana ia meredakan beban keluarga sejak kematian suami pada November lalu," kata Tan Chai Suai, 50.

Chai Suai ialah balu yang menerima pencen Ilat sebayang RM490.82 dan Elaun Layan Sentiasa (ELS) berjumlah RM500 sebulan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) selepas kematian suami. Dia menerima bantuan itu selepas suaminya, Ong Sai Guan, 52, meninggal dunia akibat kanser pada 27 November lalu.

Chai Suai seorang surti rumah berkata, dia terkejut selepas mendapati mendiang suaminya mencaerum dengan Perkeso di bawah SKSPS, sejak dua tahun lalu.

"Saya tidak tahu mendiang suami ada buat caruman. Apabila disahkan sakit kanser dan terantar kami didatangi kakitangan Perkeso dan memberi bantuan seperti lampin pakai buang, kerusi roda, tilam dan pemekat pksigen (oxygen concentrator) untuk suami.

"Saya rasa cukup lega dapat bantuan sebelum ini seperti Faedah Pencen Penakat sebayang RM550 dan RM2,000 bagi Faedah Pengurusan Mayat," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas



**KHOO Poay Tiong (tiga dari kiri) dan Pengarah Perkeso Melaka, Abd. Razak Omar (dua dari kiri) menyampaikan simbolik pencen Ilat dan ELS kepada Tan Chai Suai di Rumah Pangsa Jalan Gajah Berang, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP**

Katanya, dia kini menjadi suri rumah sepenuh masa selepas berhenti kerja di sebuah restoran kerana menjaga mendiang suaminya.

"Saya menyaran kepada individu bekerja sendiri supaya membuat caruman dalam SKSPS sebagai persiapan jika

"Caruman ini banyak membantu dan meringankan beban saya selepas kematian suami. Saya tidak sangka banyak dapat manfaat bila mencaerum dengan Perkeso. Saya hendak ucap terima kasih kepada kerajaan," ujarnya.

Berlaku tidak terjangka.

**MELAKA:** Satu rangka manusia ditemukan orang awam di tebing Sungai Malim berhampiran Taman Gadong Perdana di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patil berkata, rangka dalam keadaan tidak sempurna dengan sebahagian daripadanya tertimbus dengan daun dan tanah itu ditemui pe-

"Siasatan telah dijalankan oleh Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, bersama Unit Anjing Pengesanan (K9) dan Pakar Patologi Jabatan Forensik Hospital Melaka," katanya.

Tambah Chnstopher, polis percaya rangka itu dibawa naik dari sungai oleh jengkaut yang sedang melakukan kerja-kerja pembesaran sungai.

"Hasil siasatan lanjut di lokasi tidak menemui kan sebarang identiti si mati dan sebarang unsur jenayah.

"Rangka tersebut telah dihantar ke Unit Forensik Hospital Melaka untuk proses bedah siasat bagi mengetahui punca kematian," jelasnya.

TARIKH: 13/12/23.  
SURAT KHABAR: utusan Malaysia.  
MUKA SURAT: 33